## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 6 JULAI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | 'DAH LAMA TAK DAPAT BERAS SST', LOKAL, HM -23 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.<br>3. | A SWEET PAYOFF FOR ORANG ASLI FARMER WHO WOULD NOT GIVE UP, NATIONAL, THE STAR -3<br>KEBUN PISANG KENA PIJAK GAJAH, SEKARANG CARI REZEKI TANAM KELEDEK, NEGARA, KOSMO -16 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | ADUN BERI KETERANGAN TANGKAP IKAN GUNA PERALATAN TERLARANG, DALAM NEGERI, UM -32<br>GUNA RENJATAN ELEKTRIK TANGKAP IKAN, NEGERI TERENGGANU, SH -25<br>MARINE LIFE IN HOT WATER, MUKA DEPAN, THE STAR -1<br>DIVE RIGHT IN TO SAVE CORAL REEFS, NEWS, THE STAR -2<br>CORRAL LOCALS, STUDENTS TO HELP PROTECT MARINE LIFE, NEWS, THE STAR -2 & 3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. | ONE 'KING' TO RULE THEM ALL, EVENTS, THE STAR -9 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 10. | MBSJ ROBOH KEBUN HARAM CEGAH DENGGI, NASIONAL, BH -20 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |


# 'Dah lama tak dapat beras SST'

## Tinjauan dapati kedai runcit, pasar raya mini alami masalah penerimaan stok

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Tiada isu kenaikan harga sebaliknya kebanyakan peniaga kedai runcit dan pasar raya mini di ibu negara mengalami kekurangan serta kehabisan stok bekalan beras Super Spesial Tempatan (SST).

Tinjauan di beberapa premis perniagaan itu mendapati, beras SST untuk 10 kilogram (kg) dan 5 kg sukar diperoleh atau kuantitinya dilihat berkurangan.

Namun, pemerhatian Harian Metro mendapati, tidak sukar mencari beras putih, Super Spesial Import (SSI) dan import berkualiti tinggi seperti beras wangi, perang dan basmati kerana ia masih banyak di rak dengan harga bermula RM26 dan ke atas untuk 10 kg serta RM15 ke atas (5 kg).

Pemilik sebuah pasar raya mini di Gombak dikenali sebagai Lim mengakui, pihaknya tidak lagi menerima stok bekalan beras SST sejak dua bulan lalu.

"Sudah lama kami tidak dapat bekalan beras SST. Pembekal beritahu SST hanya dijual kepada pasar raya besar saja. Walaupun permintaan SST tinggi, kami tidak boleh buat apa-apa kini jual beras putih import dan import saja kerana hanya itu kami dapat daripada pembekal," katanya ketika ditemui Harian Metro semalam.

Situasi sama dikongsikan pengurus sebuah kedai runcit di Sentul, Zahi Mohamed yang berkata, harga SST tidak mungkin naik kerana dikawal kerajaan, namun isu sebenarnya yang berlaku sekarang ialah bekalan kurang dan sukar diperolehi.

"Peniaga memang tidak boleh jual harga beras SST lebih daripada paras harga kawalan iaitu RM13 untuk 5 kg dan RM26 (10 kg).

"Namun isunya beras SST kehabisan stok walaupun sudah buat tempahan, tetapi hampir dua bulan kami masih tidak terima bekalan.

"Saya tidak tahu apa punca ini berlaku tetapi pembekal cakap, stok habis. Sejak itu kami hanya jual beras SSI dan import saja," katanya.

Penyelia sebuah pasar raya di Setiawangsa, Andrison Paul pula berkata, setakat ini hanya harga beras SSI dan import mengalami kenaikan harga mengikut jenama.

"Memang ada kenaikan harga beras sejak beberapa minggu lalu tetapi SSI dan import saja dan bukan semua jenama hanya beberapa saja.

"Macam beras SST setakat ini tiada kenaikan langsung dan bekalan diperolehi macam biasa dalam dua minggu sekali," katanya.

Sementara itu, pengguna dari Keramat Permai, Sumiyati Sham, 54, berkata, kekurangan beras SST di pasaran menyebabkan dia memilih beras SSI.

"Namun, saya perasan harga beras SSI di kedai runcit biasa saya beli, naik kepada RM34 untuk 10 kg sejak sebelum Aidiladha lagi.

"Sebelum ini, saya biasa beli di kedai itu dengan harga RM30 ke RM31. Kenaikan itu walaupun cuma RM3 ke RM4, saya tetap rasa mahal. Saya harap kerajaan dapat juga mengawal harga SSI kerana ia pilihan kedua rakyat selepas beras SST," katanya.

Untuk rekod, beras SST ialah beras tempatan yang memiliki gred beras hancur sebanyak 5 peratus dan dikawal kerajaan iaitu RM13 (5 kg) dan RM26 (RM10 kg) manakala SSI dan beras import harganya lebih mahal dan tidak dikawal kerajaan.



PENGUNJUNG memilih beras yang dijual di sebuah pasar raya ketika tinjauan di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

### Bekalan terjejas dek cuaca panas

**Kuala Lumpur:** Cuaca panas menyebabkan pengeluaran padi negara terjejas dan berlaku isu kekurangan bekalan beras Super Spesial Tempatan (SST) di pasaran.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, masalah itu menyebabkan pengguna terpaksa membeli beras lebih mahal, Super Spesial Import (SSI) dan import berkualiti tinggi.

"Kita sedia maklum, cuaca panas menyebabkan pengeluaran padi terjejas. Trend pengurangan ini mendadak sejak bulan lalu.

"Macam kami sendiri berlaku 70 pengurangan bekalan beras SST contohnya jika tempah 1,000 paket beras yang datang cuma 300 paket saja.

"Selain bekalan SST tak cukup, kita tanggung kenaikan kos contohnya 5 kilogram (kg) sebelum ini harga kos RM12.50 dan jual ikut harga kawalan RM13 tetapi sekarang kos naik kepada RM12.80 ke RM12.90," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | THE STAR | NATION | 3 |

# A sweet payoff for Orang Asli farmer who would not give up

**GUA MUSANG:** Razali Ayeh suffered huge losses when his banana and jackfruit farms were destroyed by elephants.

However, he did not easily accept defeat.

He continued to cultivate cash crops such as sweet potatoes.

Razali, 48, an Orang Asli from the Temiar tribe, said although he only got active in the cultivation in April, he now has 4,000 yellow and purple sweet potato plants and expects his harvest to hit one tonne.

He said he plucked up the courage to go into farming after attending an agriculture course organised by the Orang Asli Development Department (Jakoa) and Agriculture Department after suffering the disappointment several years ago of losing his banana and jackfruit plots to the elephants.

"Thank God the sale of the sweet potatoes have become a source of income for me and my family," Razali told reporters when met at Kampung Redip, Pos Hau, on Tuesday, Bernama reported.

According to him, he was able to penetrate a wider market and get a higher demand for his produce when he started promoting the sweet potatoes via social media platforms.

"From my initial experiment after two months of cultivation, I was able to sell 300kg of sweet potatoes to local residents and customers in Kuala Betis, Gua Musang.

"I only cultivated land on a small scale, not even 0.4ha. So, I am very happy because after more than two months of cultivating the crop, it has given me a good yield," he added.

Razali said he sold his sweet potatoes at RM5 a kg, and at the same time offered customers the experience of picking sweet potatoes themselves in his farm.

"I also give customers a RM1 discount, at a price of RM4 a kg, when they buy more than 10kg of sweet potatoes," he said.

Razali also said he was thankful to Jakoa which reignited his spirits some time ago by inviting him to participate in an agriculture course based on sweet potato plants at the Agriculture Department office in Besut, Terengganu, last year.

"From there I got help and other agricultural input so that I could continue growing sweet potatoes," he added.



**Booming business:** Razali and his wife Samsah Angah packing sweet potatoes at their home. Razali says he has sold over 300kg at RM5 per kg. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |



RAZALI (kanan) bersama isterinya, Samsah Angah menunjukkan ubi keledek yang dituai di kebunnya di Kampung Redip, Pos Hau, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

# Kebun pisang kena pijak gajah, sekarang cari rezeki tanam keledek

**GUA MUSANG** – Selepas berputih mata apabila tanaman pisang dimusnahkan gajah lima tahun lalu, seorang lelaki Orang Asli suku kaum Temiar di Kampung Redip, Pos Hau di sini, kembali bangkit menjana pendapatan dengan mengusahakan kebun ubi keledek.

Razali Ayeh, 48, tidak menyangka usahanya dengan menyertai kursus pertanian anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan Jabatan Pertanian dapat mengubah hidup apabila hasil ubi kayu keledek kini menjadi antara punca pendapatan.

Razali yang mengusahakan 4,000 pokok keledek kuning dan ungu sejak tiga bulan lalu dijangka memperolehi hasil sebanyak satu tan bagi satu musim penanaman.

Menurutnya, setakat ini, dia sudah menjual sebanyak 300 kilogram ubi keledek untuk peringkat awal.

Katanya, setakat ini, permintaan terhadap ubi keledek tinggi terutamanya daripada orang ramai termasuk Orang Asli apabila dia turut mempromosikan melalui media sosial TikTok dan Facebook.

"Saya menanam ubi keledek di kawasan tanah seluas tidak sampai 0.4 hektar. Selepas dua bulan lebih mengusahakannya, tanaman keledek sudah mengeluarkan hasil," katanya.

Razali memberitahu, sebelum ini, dia sering berdepan dengan kegagalan apabila kebun pisang yang diusahakan sejak tahun 2018 dimusnahkan gajah liar.

Jelasnya, ubi keledeknya dijual pada harga RM5 untuk sekilogram.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |


# ADUN beri keterangan tangkap ikan guna peralatan terlarang

**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Perikanan Terengganu memanggil seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk memberi keterangan berkaitan penularan video beliau menangkap ikan menggunakan peralatan terlarang di sebuah sungai di negeri ini, baru-baru ini.

Pengarahnya, Ruzaidi Mamat berkata, wakil rakyat tersebut telah datang ke Pejabat Perikanan Negeri Terengganu semalam untuk memberi keterangan.

"Jabatan telah menerima laporan berkaitan video tular itu pada hari Isnin lalu dan kita telah menjalankan siasatan berhubung perkara tersebut.

"Wakil rakyat itu juga telah dipanggil dan kini pihak jabatan sedang melengkapkan siasatan sebelum kita rujuk kepada penasihat undang-undang negeri Terengganu," katanya ketika dihubungi semalam.

Baru-baru tular video 24 saat di media sosial memaparkan s ADUN tersebut sedang menangkap ikan di sebuah sungai di negeri ini menggunakan kaedah renjatan elektrik.

Mengulas lanjut, Ruzaidi berkata, siasatan kes itu dijalankan di bawah Seksyen 3 Kaedah- Kaedah Perikanan Darat Negeri Terengganu 1988 iaitu penangkapan ikan dengan menggunakan peralatan terlarang. "Antara peralatan terlarang termasuk menggunakan racun, bahan letupan dan peralatan-peralatan mekanikal atau elektrik.

"Jika disabitkan kesalahan, pelaku berdepan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 25 |

# Guna renjatan elektrik tangkap ikan

## Bekas ADUN dipanggil untuk beri keterangan terhadap perbuatannya

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini dipanggil bagi memberi keterangan susulan penularan video memaparkan tindakan beliau menangkap ikan menggunakan alatan terlarang.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, rakaman keterangan daripada bekas ADUN itu telah diambil pada Selasa.

"Kita menerima laporan berkaitan video tular itu pada Isnin (3 Julai) dan pihak jabatan telah menjalankan siasatan berhubung perkara itu.

"Individu terlibat juga telah dipanggil dan kini pihak jabatan sedang melengkapkan siasatan sebelum kita rujuk kepada penasihat undang-undang negeri Terengganu," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Menurut Ruzaidi, siasatan kes itu dijalankan di bawah Seksyen 3 Kaedah-Kaedah Perikanan Darat Negeri Terengganu 1988 iaitu penangkapan ikan dengan menggunakan peralatan terlarang.

"Antara peralatan terlarang termasuk menggunakan racun, bahan letupan dan menggunakan elektrik.

"Jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya," katanya.

Terdahulu tular video berdurasi 24 saat di media sosial memaparkan bekas ADUN berkenaan menangkap ikan menggunakan renjatan elektrik.



**Video tular memaparkan bekas ADUN berkenaan menangkap ikan menggunakan peralatan terlarang.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |

# Marine life in hot water

Coral reefs around the islands off Mersing, Johor, are under threat of mass bleaching due to warmer waters. Saving these underwater treasures will require all hands on deck, including government agencies, the local community and tourism players, says an NGO. **>2&3**



**Fragile ecosystem:** Vibrant coral reef in Pulau Aur, Mersing, can sustain thousands of marine life. However, a recent survey has revealed instances of coral bleaching (inset) due to rising sea temperatures. — Pic courtesy of Reef Check Malaysia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | THE STAR | NEWS | 2 |




Coral bleaching is caused by the rising ocean temperatures. — Courtesy of Johor Fisheries Department



A dead boulder coral in Mersing. — Courtesy of Reef Check Malaysia



Coral reefs serve as habitats for small crustaceans, breeding grounds for fishes and are the main attraction at the Mersing islands.

# Dive right in to save coral reefs

## NGO: Heat-induced mass bleaching will impact livelihoods and tourism

**Story and photos by**
**REMAR NORDIN**
remar.nordin@thestar.com.my

THE El Nino phenomenon, which causes unusual warming of surface waters, is directly impacting coral reefs at the Mersing islands in Johor.

Surveys of reefs done last month at Pulau Aur and Pulau Pemanggil by Reef Check Malaysia (RCM) and the Johor Fisheries Department recorded water temperatures of up to 33°C, which is above the normal 28°C to 29°C range for the Mersing area, RCM manager Nazirul Amin said.

During the dive, the team also saw the bleaching of some coral colonies, possibly because of rising water temperatures.

When the water is too warm, corals will expel the algae living in their tissues, causing it to turn completely white. This is called coral bleaching.

While corals can survive a bleaching episode, they may die from the stress.

"This is the 15th year we have been conducting reef check surveys with the Johor Fisheries Department," said Nazirul.

"The surveys are conducted along a transect line that is laid at a constant depth at selected reef monitoring sites.

"The data on the substrate (reef composition), invertebrate, fish numbers, and human and natural impacts are recorded in four 20m-long sections along the line.

"It provides a snapshot of reef health within the surveyed area. Some of the reefs on these islands have been surveyed since 2008, so long-term trend information and changes in reef health have been recorded.

"Based on last year's findings, we have seen improvements in live coral cover at many of the surveyed reefs at the Mersing islands, reversing a declining trend that has been going on since 2016.

"However, we are concerned by what we have seen during our recent dives.

"If this warm water temperature phenomenon prolongs, a mass bleaching event is likely to

# Corral locals, students to help protect marine life

LOCAL awareness is critical for the protection and preservation of the marine life ecosystem at the islands off Mersing.

Mersing Island and Reef Conservation (MIRC) secretary Ahmad Firdaus Shaik Omar said the organisation was looking into educating the public about how the use of sunscreens could damage coral reefs.

"Parts of the United States, such as Hawaii and Key West, as well as the Caribbean nations have started banning sunscreen that contains chemicals such as oxybenzone, octinoxate and octocrylene.

"The ban is also imposed in Thailand, where violators can be fined.

"Right now, visitors to the Mersing islands who use sunscreen are unlikely to even be aware of the chemicals that they have applied. We urge those who are planning to swim in the ocean, to opt for eco-friendly sunblock brands."

Ahmad Firdaus, who is also the Mersing Tourism Association (MTA) secretary, said MIRC was established earlier this year to enable non-governmental organisations (NGOs), villagers, the government and the public to join forces in conserving the environment.

"Reef Check Malaysia (RCM) is more focused on the conservation of reefs, not only in Johor but on other islands in other states as well, such as Pulau Tioman in Pahang and the islands in Semporna in Sabah, while the Tengah Island Conservation in Mersing is focused on the conservation of sea turtles.

"MIRC wanted to complement these conservation efforts."

He said the organisation focused on clown fish habitat conservation and removing ghost nets (fishing nets lost or abandoned in the ocean).

There are plans for MIRC to sign a memorandum of understanding with RCM, for the former to be trained on ghost net removal and marine life conservation.

"The majority of our members already have a diving licence and it is good to involve more locals in conservation work," he added.



Ahmad Firdaus says MIRC hopes to raise awareness about coral reef conservation.



Nur Afifah says the public can help corals recover by not touching them when snorkelling.

Ahmad Firdaus said MRIC was planning to organise the "One School, One Reef" conservation programme, where schools would be given a chance to adopt coral reefs attached to a frame.

"The programme involves schoolchildren who will be taught how coral reef conservation works.

"They will be given pieces of coral reef which they can attach to a metal frame that will later be placed in the sea.

"They will be given monthly updates on the growth of the corals that they have planted," he said.

He added that MIRC was also planning to place solar-powered lights on the Mersing islands to promote green energy usage.

When contacted, Sultan Iskandar Marine Park resource management and protection chief Nur Afifah A. Rahman said the Johor Fisheries Department issued a warning regarding the increase in ocean temperatures between 30°C and 33°C last month.

"We worry that the rise in temperature will lead to coral bleaching.

"We have increased our surveillance and monitoring to look for signs of coral reef bleaching and will report our findings to the Ecosystems Conservation and Biodiversity Branch and the Fisheries Conservation and Protection Division."

According to Nur Afifah, the bleaching process can be reversed if the water temperature cools and the corals recover their zooxanthellae within eight weeks after the incident.

"One way the public can help is to avoid touching corals when snorkelling and when swimming in shallow waters, as it may break the corals.

"Once broken, it will take years to recover.

"Avoid throwing trash into the ocean and do not pick or remove any corals, regardless if they are dead or alive, as doing so is a violation," she said. — **By REMAR NORDIN**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | THE STAR | NEWS | 3 |





The release of sea turtle hatchlings is a major tourist draw at the Mersing islands.

happen, and as a result, we might lose the corals.

"The improvement in live coral cover at the Mersing islands that we have seen in previous years may be shortlived," Nazirul said.

As a member of the national Bleaching Response Committee, RCM is working with the Fisheries Department to continuously monitor the reefs around the Mersing islands as the heatwave grips the region, he said.

"We have asked local communities, dive operators as well as NGO partners to keep an eye out for signs of bleaching whenever they are out in the reef areas."

According to him, there isn't much they can do if wide-scale bleaching starts to happen "because we cannot reduce the seawater temperature".

As for an action plan, he pointed to the *Coral Bleaching Response Plan* published by the Fisheries Department.

The plan outlines several steps on how to react to bleaching, such as by managing local stressors to increase the resistance capacity of the reefs against warmer temperatures.

Managing local stressors by effecting site closures can restrict human activity in affected areas, thereby removing potential physical damage by divers, snorkellers, anchoring boats, fishing and other activities that can further weaken the bleached reefs.

This, Nazirul said, would allow the corals to concentrate all their energy on survival and recovery from bleaching damage.

"We hope that this concerted effort by various parties will help us respond effectively to the bleaching event and inform the public on what is happening," he added.

RCM Mersing Sustainable Tourism programme manager Atteleth Don Peris said the coral bleaching phenomenon would affect not only marine life but also the livelihoods of local communities and tourism players.



Nazirul says the improvement in live coral cover seen at the Mersing islands may be short-lived.



Peris says coral bleaching will affect not only marine life but also the livelihoods of local communities and tourism players.



Norashimah says the tourism business depends entirely on the well-being and health of the environment.

> "A local conservation group should be established. Whenever there is a problem, everyone can play a role."
>
> Fahmi Abd Malik

"Many Mersing folk work as fishermen and are involved in marine-based tourism so their income depends on the coral reefs.

"We know from scientific findings that a thriving coral reef ecosystem supports a healthy fish population and its underwater environment attracts tourists.

"Mersing is known for its beautiful underwater scenery and the abundance of fish that are caught for sale.

"Without healthy reefs, the aspiration for Mersing to become a thriving hub for tourism would be greatly diminished," said Peris.

Teluk Penyabong Resort Mersing senior manager Fahmi Abd Malik said a local conservation group should be established.

"For example, in Pahang's Pulau Tioman, the Tioman Marine Conservation Group includes all of the tourism industry players, village chiefs, government agencies, and conservation groups under one umbrella.

"Whenever there is a problem, everyone can play a role. The government can provide the funding, the experts can work out the solution and the public can be in charge of conservation and protection."

Tourism operators also seem to recognise the need for reef preservation.

Mak Su Chalet Pulau Tinggi owner Norashimah Sharom said coral reefs should be treated like treasures as they were the main attraction for visitors.

"People come to snorkel and dive in the Mersing waters because of its beautiful reefs, which are home to various types of marine life.

"So if the corals are dead, there will be no marine population and people will stop coming to the island."

Norashimah, who is also a sea turtle egg collector for the Johor Fisheries Department, said her guests witnessed the release of sea turtle hatchlings and this was a major attraction at her chalet.

"This tourism business depends entirely on the well-being and health of the environment.

"The sea turtles came here due to the abundance of food and healthy marine biodiversity, without it, we would also not be here," she added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2023 | THE STAR | EVENTS | 9 |




Die-hard fans of the king of fruits at the launch at Dking SS2 Wonderland in Petaling Jaya.



(From left) Yee, Musa, Chin and LKE Group Sdn Bhd director and founder Datuk Jackky Lim at the launch of the Malaysia International Durian and Cultural Fest 2023.

# One 'king' to rule them all

## Third international durian, cultural fest to woo the world from July 14 to 16

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

HOT on the trail of the mighty durian, fans can now set their sights on the upcoming fest dedicated solely to the celebrated king of fruits.

The third edition of Malaysia International Durian and Cultural Fest 2023 will take place from July 14 to 16 at Pavilion Bukit Jalil in Kuala Lumpur.

Dking founder Leron Yee said the festival was aimed at promoting Malaysia's durian internationally.

"Our dream is to create a month-long fest dedicated to this beloved fruit. People from around the world can explore the Malaysian durian.

"Similar to the renowned annual Oktoberfest celebrated in the west, we envision a durian fest in July in Malaysia," he said.

This festival could be included in the country's tourism calendar and entice travellers to visit, said Yee at the launch of the event at Dking SS2 Wonderland in SS2, Petaling Jaya.

LKE Musang Queen Sdn Bhd co-founder and managing director Jeremy Chin said its fruits, under the umbrella of LKE Group, had a good reputation in the agricultural sector and it was committed to the sector's growth.

The company is well-known for its upstream durian plantation in Manchis, Bentong in Pahang, which spreads across 80.9ha of freehold land divided into 20 phases.

"The first Durian Fun Run was introduced at our farm in Manchis. This year, we are doing things differently as we want to build a stronger bond with our strategic partner DKing by organising the third Malaysia International Durian and Cultural Fest," he said.

He added that the brand ambassadors for the upcoming fest were Malaysian model Amber Chia, 988 radio deejay Chan Fong and actor Aaron Aziz.

Also at the event was Tourism Malaysia deputy director-general Datuk Musa Yusof who said Malaysia accounted for just 5% of the global durian export by volume.

He said Malaysia had steadily expanded its durian industry to be one of the top durian producing countries in the world, with a 107% increase in the country's durian export value worth US$34.7mil (RM161.3mil).

"This year Tourism Malaysia is working to receive five million Chinese tourists, a 60% increase over 2019.

"In total, we target 15.6 million international tourist arrivals and RM47.6bil in tourism receipts.

"This influx of visitors will not only contribute to our tourism industry but also boost Malaysia's gross domestic product (GDP) through accommodation, food and overall spending," said Musa.

He said durian was a symbol of Malaysia's cultural diversity and heritage.

"Tourism Malaysia has launched various campaigns and initiatives to attract more tourists to try our durians.

"We just launched a durian tourism package campaign in collaboration with Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and local tour operators to promote the durian season throughout the country.

"The packages encompass a comprehensive range of offerings, comprising accommodations, transportation, guided tours and durian tasting sessions.

"Durian tourism can also enhance Malaysia's image and reputation as a country that offers diverse and unique experiences for travellers.

"This event is in partnership with the Malaysia Inbound Chinese Association (Mica), which aims to attract over 1,000 Chinese tourists, along with visitors from various countries," Musa said.

"As we move forward, our goal is to make everyone fall in love with durian.

"We believe that the third Malaysia International Durian and Cultural Fest will serve as a significant milestone in achieving this vision," he added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# MBSJ roboh kebun haram cegah denggi

## 41 kes direkod sekitar Pangsapuri Enggang

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohkan kebun haram dan struktur penjaja dibina tanpa kebenaran bagi membendung kes demam denggi sekitar Pangsapuri Enggang dekat Bukit Kinrara, di sini.

Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata setakat semalam, sebanyak 41 kes membabitkan demam denggi dikesan di sekitar pangsapuri ini.

"Kedua-dua struktur dibina tanpa kebenaran ini juga dipercayai menjadi punca kepada pembiakan nyamuk aedes.

"Kebun ini pada asalnya mungkin didirikan secara kecil-kecilan, lama kelamaan ia menjadi semakin besar sehingga menyebabkan kebun itu menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Tindakan merobohkan struktur ini adalah tindakan paling pantas yang boleh dilakukan oleh kami bagi memastikan isu denggi ini dapat diselesaikan dengan cepat," katanya kepada media di lokasi operasi itu, semalam.

Muhammad Azli berkata, notis amaran sudah dikeluarkan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) pada minggu lalu, memberi peluang kepada pemilik kebun mengambil tindakan sebelum kebun itu dirobohkan.

Bagaimanapun, sehingga semalam, belum ada individu mengaku sebagai pemilik kebun itu.

"Biasanya pemilik adalah dalam kalangan penduduk berdekatan. Kita harap mereka dapat mesej yang sebarang struktur yang dibina secara haram akan dikenakan tindakan.

"Ada pihak yang lihat ini peluang mereka menjalankan aktiviti bercucuk tanam, tetapi perkara itu tidak boleh dilakukan di tanah milik kerajaan tanpa sebarang kebenaran," katanya.



Kakitangan MBSJ merobohkan struktur binaan dan kebun haram di sekitar Pangsapuri Enggang, semalam.
(Foto Genes Gulitah/BH)

### Jaga keselamatan penduduk

Muhammad Azli turut berkata, tindakan penguatkuasaan ini diambil bagi menjaga keselamatan penduduk Pangsapuri Enggang daripada penyakit demam denggi.

"Penduduk menetap di sini dianggarkan 5,700 orang terdiri daripada 1,140 unit kediaman.

"Operasi seperti ini akan dijalankan secara berterusan bagi membendung penularan wabak demam denggi di kawasan ini.

"Selain itu, kita juga menjalankan semburan kabus bagi mengawal nyamuk aedes, di samping kempen kesedaran denggi serta meluangkan masa cari dan hapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes ini," katanya.

Katanya, sekiranya semua penduduk pangsapuri ini membantu MBSJ membuang tempat pembiakan aedes ini, risiko denggi di kawasan ini dapat dikurangkan.